



# LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[ Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 ( Akta 458 ) ]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 6 Jld. 9/( 33 )**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT

LORONG PERAK

PUSAT BANDAR MELAWATI

53100 KUALA LUMPUR

No. Telefon: 03-41085191

No. Faksimili: 03-41085178

e-mail: [secretary@ljt.org.my](mailto:secretary@ljt.org.my)

laman web: [www.ljt.org.my](http://www.ljt.org.my)

20 April 2020  
26 Sya'aban 1441H

## Semua Juruukur Tanah Berlesen

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

### PEKELILING LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2020

---

### BAYARAN KEMAJUAN BAGI KERJA UKUR HAKMILIK STRATA DI BAWAH PAKEJ RANGSANGAN PRIHATIN JURUKUR TANAH BERLESEN (JTBB) – COVID-19

---

#### 1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk meminda perkara 3, Pekeliling Lembaga Jurukur Tanah Bilangan 2 Tahun 2016 bertarikh 3 Ogos 2016 berkenaan prosedur pembayaran kerja ukur hakmilik strata.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada 12 Mac 2020, Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) telah mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik berikutan penularan wabak itu ke 125 negara dan wilayah di seluruh dunia termasuklah negara kita Malaysia.
- 2.2 Dalam usaha mengekang penyebaran wabak COVID-19 secara meluas di dalam negara kita, Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara bermula pada 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 dan dipanjangkan kepada 28 April 2020.
- 2.3 Pelaksanaan PKP oleh Kerajaan secara tidak langsung telah memberi kesan kepada profesion ukur terutamanya operasi seharian firma Juruukur Tanah Berlesen (JTB).
- 2.4 Lembaga Juruukur Tanah Malaysia (LJT) amat prihatin akan perkara ini dan bagi membantu JTB menghadapi situasi sukar ini maka Mesyuarat Khas Lembaga pada 27 Mac 2020 telah bersetuju mewujudkan Pakej Rangsangan Prihatin JTB – COVID-19 (PRPJTB COVID -19).
- 2.5 Salah satu elemen di bawah PRPJTB COVID -19 ini adalah bantuan kepada JTB dalam memastikan aliran tunai firma masing-masing lancar supaya mereka mampu untuk menampung kos operasi perniagaan mereka terutamanya dalam tempoh PKP ini.
- 2.6 Dalam hubungan ini, Mesyuarat Khas Lembaga pada 27 Mac 2020 juga telah menimbang dan meluluskan satu lagi peringkat bayaran kemajuan bagi kerja ukur hakmilik strata iaitu selepas permohonan CPSP dikemukakan kepada Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri (JUPN) serta diperakui penerimaannya oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri (PUPN).

### 3. PROSEDUR PEMBAYARAN

Dengan pemakaian pekeliling ini maka prosedur bayaran bagi kerja ukur hakmilik strata adalah sepertimana berikut:

- 3.1 Bayaran pertama sebanyak 10% tanpa had maksimum akan dibuat selepas fi ukur didepositkan dan borang LJT 700 atau LJT 710 diluluskan oleh LJT.
- 3.2 (i) Bayaran kedua sebanyak 10% akan dibuat oleh LJT selepas JTB membuat pemfailan SIFUS dan Jadual Petak kepada Pesuruhjaya Bangunan (COB) dengan mengemukakan borang LJT 702 dan bukti penerimaan oleh COB ke atas surat / dokumen yang dihantar.  
  
(ii) Bagi kerja-kerja yang tidak perlu dibuat pemfailan SIFUS dan Jadual Petak kepada COB maka tuntutan diperingkat ini tidak terpakai.
- 3.3 Bayaran ketiga sebanyak 15% akan dibuat oleh LJT selepas JTB mengemukakan permohonan Sijil Cadangan Pelan Strata (CPSP) beserta maklumat yang lengkap sepertimana ditetapkan dalam Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bilangan 1 Tahun 2015 kepada JUPEM Negeri dengan mengemukakan borang LJT 702 dan bukti penerimaan oleh PUPN ke atas permohonan yang dibuat.
- 3.4 Bayaran keempat sebanyak 25% akan dibuat selepas CPSP dikeluarkan oleh JUPEM Negeri di mana JTB dikehendaki mengemukakan borang LJT 704 bersama salinan sijil CPSP yang telah diluluskan.
- 3.5 Baki Bayaran sebanyak 38% akan dibuat setelah Pelan Akui (Srata) / PA (B) diluluskan oleh PUPN.

#### **4. PELAKSANAAN**

- 4.1 Pekeliling ini hanya terpakai untuk tempoh enam (6) bulan sahaja daripada tarikh ianya dikeluarkan.
- 4.2 Pekeliling ini perlu digunapakai bersama-sama Pekeliling LJT Bilangan 1 Tahun 2015 yang tidak terlibat dengan pindaan.


#### **5. TARIKH BERKUATKUASA**

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' Sr DR. AZHARI BIN MOHAMED)**

Pengerusi  
Lembaga Jurukur Tanah  
Malaysia

**Salinan Kepada:**

**Agihan Dalam:**

Setiausaha  
Lembaga Jurukur Tanah  
Malaysia

**Agihan Luaran:**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II

Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster)

Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia (PEJUTA)